

Matta: Tambahan peruntukan dapat diguna secara efektif

UM 26 SEP 2001

KUALA LUMPUR 25 Sept. — Persatuan Agensi-Agensi Pelancongan Malaysia (Matta) berharap tambahan peruntukan berjumlah RM110 juta yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat dapat digunakan secara efektif bagi menggandakan usaha menggalakkan sektor pelancongan di negara ini.

Menurut Presiden Matta, Tunku Datuk Seri Iskandar Tunku Abdullah, tambahan tersebut tepat pada waktunya ketika kemasukan jumlah pelancong ke Malaysia 'terganggu' ekoran serangan ke atas Amerika Syarikat (AS).

"Kita perlu mempergiatkan lagi promosi kepada sasaran baru seperti Taiwan, Korea, Australia, Singapura dan negara-negara di Timur Tengah," katanya ketika dihubungi *Utusan* di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan satu pakej rangsangan berjumlah RM4.3 bilion berkuat kuasa sertamerta.

Pakej tersebut bermatlamat untuk memastikan kesan sampingan yang optimum ke atas ekonomi negara ekoran kemungkinan kesan negatif kelembapan ekonomi dunia.